



Huraian Tujuh Golongan yang Mendapat Naungan Allah SWT

Pemimpin yang adil

Maksud	Pemimpin yang menjalankan tanggungjawab terhadap orang yang di bawah pimpinannya berdasarkan al-Quran dan hadis
Contoh	- Memastikan semua keperluan asas rakyat dipenuhi - Mencegah kemungkaran dan kemaksiatan daripada berleluasa

Pemuda yang hidupnya taat beribadat kepada Allah SWT

Maksud	Pemuda yang memenuhi masanya dengan melakukan ibadat kepada Allah sama ada ibadat wajib atau sunat
Contoh	- Melaksanakan tuntutan solat lima waktu dan ibadat puasa dengan sempurna - Melazimi membaca al-Quran, berzikir dan qiamullail

Seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid

Maksud	Seseorang yang hatinya sentiasa berasa seronok memakmurkan masjid dengan aktiviti ibadat dan kebajikan
Contoh	- Sentiasa menunaikan solat fardu secara berjemaah - Menyertai aktiviti di masjid seperti majlis ilmu dan sukan serta riadah

Dua orang yang saling mengasihi kerana Allah SWT, bertemu dan berpisah hanya kerana Allah SWT

Maksud	Dua orang yang bersahabat berasaskan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT
Contoh	- Sayidina Abu Bakar sentiasa mendampingi Rasulullah SAW ketika berhadapan dengan pelbagai ujian ketika berhijrah ke Madinah - Persaudaraan antara kaum Muhajirin dengan Ansar sehingga sanggup menawarkan harta, tenaga dan tempat tinggal

Seseorang yang membenci perbuatan maksiat kerana takut kepada Allah SWT

Maksud	Seseorang yang membenci dan menjauhi semua perbuatan yang melanggar suruhan Allah atau meninggalkan larangannya sama ada dalam bentuk lisan, perbuatan atau hati
Contoh	- Menjauhi perbuatan mencuri, merompak dan mengumpat - Menghindari pergaulan bebas antara lelaki dengan wanita tanpa batasan

Seseorang yang menyembunyikan sedekahnya

Maksud	Suatu pemberian yang bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT semata-mata tanpa mengharapkan pujian manusia
Contoh	- Memberikan sumbangan kewangan secara perbankan atas talian - Mewakafkan tanah bagi pembinaan masjid, surau dan sekolah agama atau tahfiz

Seseorang yang mengingati Allah SWT sehingga menitikkan air mata

Maksud	Seseorang yang mengingati Allah SWT sama ada melalui hati atau lisan dengan penuh ikhlas dan rasa takut kepada Allah SWT
Contoh	Beristighfar mengharap keampunan Allah sehingga mengalirkan air mata mengenangkan dosa-dosa silam yang dilakukan